

08/02/2003

Andy Lau dijangka meriahkan Rumah Terbuka Malaysia

PETALING JAYA: Artis terkenal tanah air dan luar negara termasuk dari Hong Kong dan Taiwan akan menghiburkan pengunjung Rumah Terbuka Malaysia sempena sambutan Tahun Baru Cina, hari ini.

Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor, Sermaini Pien, berkata majlis itu berlangsung di Dataran Petaling Jaya, Jalan Timur di sini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sambutan dan Persembahan program itu, berkata antara penyanyi tempatan yang akan muncul ialah Nurul dan Ajai mendendangkan lagu Keliru, selain Aku Milikmu dan Lagu Rindu.

Katanya, penyanyi tempatan lain ialah Alleycats yang menyanyikan lima lagu termasuk lagu popular mereka, Sampaikan Salam dan Hingga Akhir Nanti manakala Poetic Ammo mendendangkan lima lagu.

"Artis popular Hong Kong, Andy Lau yang mempunyai ramai peminat di Malaysia dijangka mendendangkan tiga lagu manakala penyanyi Taiwan, Shino Lin mempersembahkan tiga lagu.

"Turut serta adalah penyanyi Cina tempatan, antaranya Candy Cheah, Chiang Teng, Ah Niu dan Adi N Brothers, selain persembahan biola oleh Joanne Yeoh dan Kumpulan Kesenian Negeri Selangor kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor.

"Pelawak Khairul Azhar, Ali Mamak dan Angeline Tan turut mengadakan persembahan di pentas dua, selain aksi akrobatik Kumpulan Kong Brothers manakala Kumpulan Lim Chopstick pula menyanyi dan menari," katanya.

Program Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina adalah program tahunan bertujuan sebagai daya tarikan pelancong, selain memupuk toleransi dan perpaduan antara kaum.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dijadual merasmikan majlis ini kira-kira jam 9.50 malam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dijangka turut hadir.

Seramai 200,000 orang dijangka mengunjungi majlis anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Kerajaan Selangor.